

Banjir tidak halang ATM sekat aktiviti penyeludupan

RANTAU PANJANG – Angkatan Tentera Malaysia (ATM) memberi jaminan bahawa kawalan di sepanjang sempadan di kawasan Ops Wawasan akan terus digiatkan untuk mengelak kemasukan anasir luar ke negara ini terutama aktiviti penyeludupan.

Panglima ATM, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin berkata, kesiapsiagaan anggotanya sentiasa berada pada tahap terbaik untuk membendung gejala tersebut biarpun terpaksa berdepan situasi bencana banjir di kawasan sempadan.

Menurutnya, berdasarkan pengalaman sebelum ini, para penyeludup menggunakan musim banjir untuk meningkatkan aktiviti haram mereka kerana menyangka pihak berkuasa akan sibuk membantu masyarakat sehingga terlupa tugas menjaga sempadan.

“Kita tetap jalankan patrol seperti biasa dan saya ingatkan anggota saya supaya sentiasa siap siaga kemungkinan penyeludup beranggapan musim banjir menyebabkan kawalan kita semakin longgar.

“Jadi, walaupun musim banjir kita akan terus mempertingkatkan tugas kita agar sempadan negara tidak dibolosi, walaupun air naik kami tetap berwaspada,” tegasnya selepas melakukan tinjauan banjir dan melawat pos-pos kawalan ATM di kawasan Ops Wawasan.



ZULKIFELI menggunakan sampan ketika meninjau Kampung Terusan yang terletak di sempadan Malaysia-Thailand yang masih ditenggelami banjir semalam.

Dalam perkembangan lain, Zulkifeli memberitahu, beliau akan memohon kepada kerajaan Pusat agar membina kunci air di beberapa kampung yang sering di-

tenggelami air banjir untuk memastikan air Sungai Golok yang melimpah dapat disalurkan keluar dengan lebih cepat selepas musim banjir.